

# ANPROLAC SOLUTION 670MG/ML

Larutan Lactulose (670mg/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

- ◆ Apakah kegunaan Anprolac Solution 670mg/ml
- ◆ Bagaimana Anprolac Solution 670mg/ml berfungsi
- ◆ Sebelum mengambil Anprolac Solution 670mg/ml
- ◆ Cara menggunakan Anprolac Solution 670mg/ml
- ◆ Semasa menggunakan Anprolac Solution 670mg/ml
- ◆ Kesan-kesan sampingan
- ◆ Cara penyimpanan dan pelupusan Anprolac Solution 670mg/ml
- ◆ Maklumat lanjut
- ◆ Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
- ◆ Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Anprolac Solution 670mg/ml

Lactulose adalah bahan aktif untuk Anprolac Solution 670mg/ml. Ia diindikasikan untuk

- penyakit sembelit: regulasi ritma fisiologi bahagian kolon.
- Apabila najis lembut dianggap sebagai faedah perubatan. (buasir, keadaan selepas pembedahan kolon/anus)
- rawatan untuk penyakit 'hepatic encephalopathy (HE) dan pencegahan hepatic coma'.

## Bagaimana Anprolac Solution 670mg/ml berfungsi

Di dalam kolon, lactulose dipecahkan kepada asid organik oleh bakteria kolon. Asid-asid ini merendahkan pH dalam kolon dan meningkatkan isipadu kandungan kolon melalui tindakan osmotik. Kesan-kesan ini merangsangkan pergerakan peristalsis kolon dan konsistensi najis kembali ke normal.

Dalam penyakit 'hepatic encephalopathy (HE), kesannya disebabkan oleh sekatan bakteria proteolitik dengan peningkatan bakteria 'acidophilic' (contoh: lactobacillus), memerangkap ammonia dalam bentuk ionik dengan asidifikasi kandungan kolon, katharsis disebabkan oleh pH rendah dalam kolon serta kesan osmotik, dan perubahan pada

metabolisma nitrogen dalam bakteria dengan merangsang bakteria menggunakan ammonia untuk menghasilkan protein bakteria. Namun demikian, adalah dijelaskan bahawa dengan hiperamonemia ini sahaja tidak dapat menjelaskan manifestasi neuro-psikiatrik HE. Amonia tersebut mungkin dapat digunakan sebagai model kompaun untuk bahan nitrogen lain.

Lactulose bertindak sebagai bahan prebiotik menguatkan pertumbuhan bakteria baik, seperti "Bifidobacterium dan Lactobacillus", manakala menyekat pertumbuhan bakteria jahat seperti "Clostridium dan Escherichia coli".

Ini akan menyebabkan keseimbangan flora usus yang lebih baik.

## Sebelum mengambil Anprolac Solution 670mg/ml

### -Bila tidak boleh mengambil

- ◆ Sekiranya anda mempunyai hipersensitiviti (allergi) terhadap lactulose dan sebarang kandungan dalam Anprolac Solution 670mg/ml.
- ◆ Sekiranya anda menghidapi penyakit halangan usus.
- ◆ Sekiranya anda menghidapi penyakit galaktosaemia.

### -Sebelum mula mengambil

Anda harus beritahu doktor sekiranya:

- ◆ Anda mempunyai alahan terhadap mana-mana ubat yang telah diambil sebelum ini untuk merawat keadaan semasa anda.
- ◆ Anda mengalami sakit pada bahagian abdomen yang tidak dikenalpasti punca.
- ◆ Anda tidak toleransi terhadap laktosa.
- ◆ Anda adalah pesakit dengan masalah penyakit turun-temurun ketidaktoleransi terhadap galaktosa atau fruktosa, kekurangan "Lapp lactase" atau kurang penyerapan glukosa-galaktosa.
- ◆ Anda adalah penghidap penyakit kencing manis.

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada kajian interaksi dengan ubatan lain telah dijalankan. Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat lain termasuklah tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Anprolac Solution 670mg/ml

Guna ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda harus menyemak dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti. Ambil ubat ini melalui mulut sahaja.

## -Berapa banyak perlu diambil

Dos untuk sembelit atau dimana najis lembut dianggap sebagai faedah perubatan.

Dos Anprolac Solution 670mg/ml boleh diambil dalam satu kali sehari atau dibahagi kepada dua kali sehari. Doktor anda akan memberitahu anda kekerapan untuk mengambil ubat ini. Berdasarkan tindakbalas rawatan, doktor anda mungkin akan mengubah dos permulaan kepada dos pengekalan selepas beberapa hari. Beberapa hari (2-3) hari mungkin diperlukan sebelum keberkesanan ubat dapat diperolehi.

	Anprolac Solution 670mg/ml	
	Dos permulaan harian	Dos pengekalan harian
Dewasa dan Remaja	15-45ml	15-30ml
Kanak-Kanak (umur 7-14 tahun)	15ml	10-15ml
Kanak-Kanak (umur 1-6 tahun)	5-10ml	5-10ml
Bayi bawah 1 tahun	Sehingga 5ml	Sehingga 5ml

Dos untuk HE (Dewasa sahaja)

Dos permulaan: 3 hingga 4 kali sehari sebanyak 30-45ml. Dos ini harus diubah oleh doktor kepada dos pengekalan bagi

mencapai penghasilan 2 hingga 3 kali najis lembut setiap hari.

Keselamatan dan efikasi dalam kanak-kanak (bayi baru lahir sampai 18 tahun) dengan penyakit HE masih belum ditentukan.

-Bila perlu diambil

Anda boleh mengambil Anprolac Solution 670mg/ml dengan atau tanpa pencairan. Sila ambil ubat ini dengan satu telan sahaja, dan tidak menyimpan ubat ini dalam mulut untuk suatu masa.

Doktor anda akan mengubah dos ubat mengikut tindakbalas anda terhadap ubat ini. Jika anda telahpun dinasihati untuk mengambil dos sekali sehari, anda harus ambil ubat pada masa yang sama setiap hari, contohnya semasa sarapan pagi.

Semasa rawatan dengan laksatif, adalah penting untuk anda minum air yang mencukupi (1.5-2 liter, bersamaan dengan 6-8 gelas air) pada siang hari.

-Berapa lama perlu diambil

Terus guna ubat ini sepanjang mana dinasihati doktor.

-Sekiranya anda TERLUPA UNTUK MENGAMBIL

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

-Sekiranya anda mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sila hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital yang terdekat jika anda atau sesiapa telah mengambil dos yang berlebihan. Anda mungkin memerlukan bantuan perubatan dengan segera.

Simtom-simtom: Cirit-birit dan/atau sakit pada bahagian abdomen.

**Semasa mengambil Anprolac Solution 670mg/ml**

-Perkara yang perlu dilakukan

Hubungi doktor anda jika keadaan anda bertambah buruk atau tiada perbaikan. Beritahu doktor anda sekiranya anda

menjadi hamil semasa mengambil Anprolac Solution 670mg/ml.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Anprolac Solution 670mg/ml kepada sesiapa pun, walaupun mereka mempunyai keadaan atau simtom yang sama atau seakan-akan sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Anprolac Solution 670mg/ml untuk anda dan keadaan anda sahaja.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- ◆ Penggunaan yang kronik tanpa pengubahsuaian dos dan penyalahgunaan boleh mengakibatkan cirit-birit dan ketidakseimbangan elektrolit dalam badan.
- ◆ Penggunaan bahan laksatif pada kanak-kanak haruslah berdasarkan pada kes tertentu sahaja dan dibawah pengawasan perubatan. Anda harus tahu bahawa refleks pembuangan air besar mungkin diganggu semasa rawatan. Anda mungkin memerlukan langkah-langkah perlindungan, seperti menggunakan lampin untuk kanak-kanak.
- ◆ Anprolac Solution 670mg/ml kurang atau tidak mempunyai pengaruh terhadap keupayaan untuk memandu dan mengendalikan mesin.

**Kesan sampingan**

Seperti kebanyakan ubat, Anprolac Solution 670mg/ml juga mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang yang mengalaminya. Berikut adalah kesan sampingan yang mungkin terjadi:

- Perut kembung mungkin terjadi pada beberapa hari pertama rawatan. Seperti biasa, ia akan hilang selepas beberapa hari.
- Cirit-birit dan sakit pada abdomen mungkin berlaku jika anda mengambil dos yang berlebihan daripada apa yang diarahkan. Jika ini berlaku, sila kurangkan kepada dos yang disyorkan.
- Untuk pesakit yang mengambil Anprolac Solution 670mg/ml bagi jangka masa panjang, dalam kes HE pesakit mungkin akan mengalami ketidakseimbangan

elektrolit (elektrolit tidak mencukupi dalam darah) yang berpunca daripada cirit.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mempunyai kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers→ Reporting)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Anprolac Solution 670mg/ml**

-Cara penyimpanan

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan pada bekas asal dan di tempat yang kering. Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C. Lindungi daripada cahaya.

**Jauhi dari kanak-kanak.**

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna Anprolac Solution 670mg/ml

Cecair yang likat, berwarna jernih kepada kuning keperangan pucat.

Ia dibekalkan dalam botol plastik gelap 100ml.

-Bahan-bahan kandungan

- ◆ Bahan aktif  
Setiap ml mengandungi 670mg bahan aktif, Lactulose.
- ◆ Bahan bukan aktif  
Bahan-bahan lain adalah seperti sodium benzoate dan air.

-Nombor MAL :

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries  
Sdn. Bhd.  
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

07/10/2015